

*Tarikh Dibaca: 23 Oktober 2015*

# **KHUTBAH JUMAAT**

*Tajuk:*

***“PENYELEWENGAN SYIAH”***

**\*\*\***

*Terbitan:*

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR  
2012-2015**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)**  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)**  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**  
Majlis Agama Islam Selangor
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)**  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



## "PENYELEWENGAN SYIAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِي وَمَنْ  
يُضِلِّ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah kita sama-sama berusaha meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan berpegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar. Iaitu dengan memastikan segala akidah dan amal ibadah kita



bertepatan dengan Sunnah Rasulullah SAW yang telah dikembangkan oleh para Sahabatnya RA dan para ulama muktabar sepanjang zaman.

### **Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Islam merupakan agama anutan sebahagian besar rakyat Malaysia khususnya orang Melayu sejak berkurun lamanya. Hasil kegigihan para pendakwah dan ulamak Ahli Sunnah Wal Jamaah yang kebanyakannya bermazhab al-Syafie dalam menjalankan tanggungjawab menyebarkan ajaran Islam yang sebenar, mereka telah berjaya mencipta satu tamadun dan kesultanan Islam yang amat disegani dirantau ini. Dan akhirnya, mereka berjaya meletakkan Islam aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, menjadi agama yang bertapak kukuh dalam negara kita yang tercinta ini. Sejak itu umat Islam dan orang melayu khususnya hidup penuh harmoni, bersatu padu dan tidak berpecah belah. Mereka menjadi umat yang digeruni dan dihormati oleh bangsa-bangsa lain sehinggakan agama Islam diberi kedudukan khas dalam Perlembagaan Malaysia dengan memperuntukannya sebagai agama persekutuan.

Kita semua dapat bimbingan agama dari sekolah rendah hingga ke peringkat yang tinggi. Persoalannya, mengapa kita begitu mudah terpengaruh kepada ajaran Syiah yang menyeleweng ini? Mengapa kita begitu mudah menukar agama Islam yang telah kita pelajari selama ini?

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Suasana keharmonian dan kesepaduan umat Islam yang pernah dikecapi oleh generasi terdahulu itu, sekarang ini telah mulai pudar lantaran munculnya penyelewangan terhadap ajaran Islam yang sebenar. Sejak akhir-akhir ini muncul pelbagai aliran dan fahaman yang menyimpang dari ajaran Islam yang sebenar berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.



Ajaran-ajaran yang menyeleweng ini, seperti Syiah, Qadiani, Islam liberal dan seumpamanya telah mula bertapak di negara ini. Penganut-penganutnya dikesan bergiat aktif menyebarkan ajaran dan kegiatan penyelewengan mereka dalam kalangan masyarakat Islam khususnya di Selangor tanpa bersembunyi lagi. Atas dasar tanggungjawab dan kewajipan menjaga kesucian Islam yang sebenar, maka khutbah pada hari ini memilih tajuk "**PENYELEWENGAN SYIAH**" untuk didedahkan kepada para jamaah sekalian agar akidah kita terpelihara dari sebarang penyelewengan.

### **Sidang Jumaat yang berbahagia,**

Penyebaran fahaman dan aliran Syiah bukan sahaja telah menggugat kesepaduan dan keharmonian kehidupan umat Islam hari ini bahkan yang paling berbahaya ia telah menyelewengkan umat Islam daripada berpegang kepada akidah dan syariah yang diamalkan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah. Demi tanggungjawab dan amanah menjaga akidah umat Islam dari dicemari oleh anasir-anasir yang menyeleweng, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dengan tegas telah memutuskan bahawa ajaran Syiah adalah satu ajaran yang bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar sama ada dari sudut akidah mahupun syariah.

Antara fahaman dan pegangan Syiah yang menyeleweng bersumberkan kita mereka ialah mereka mendakwa bahawa Sayyidina Ali RA sahaja yang layak menjadi pengganti Nabi Muhammad SAW sebagai khalifah yang sah, manakala Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq adalah perampas. Mereka juga telah mengkafirkan para sahabat Nabi SAW terutama Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq, Sayyidina Omar al-Khattab, Sayyidina Osman Bin Affan dan Sayyidatina Aisyah Ummul Mukminin. Bahkan lebih daripada itu, mereka tergamak melabelkan sayyidina Abu



Bakar, Umar, Uthman dan Muawiyah sebagai empat berhala Quraisy, sementara pengikut-pengikut mereka pula adalah musuh-musuh Allah SWT.

Mereka juga mempercayai bahawa para Imam Syiah adalah maksum dan tidak melakukan sebarang dosa. Mereka juga meyakini bahawa Muhammad Bin Hassan al-Askari adalah Imam Mahdi yang dijanjikan, ia akan muncul pada akhir zaman membawa keadilan kepada alam sejagat. Mereka juga mendakwa bahawa Sayyidina Ali RA sahaja yang memiliki al-Quran yang lengkap dan sempurna, manakala al-Quran yang kita baca hari ini adalah tidak sempurna. Mereka mendakwa al-Quran yang sebenar adalah al-Quran yang mengandungi tujuh belas ribu ayat. Dakwaan ini amat bertentangan sekali dengan jaminan Allah SWT tentang kesempurnaan dan bebasnya al-Quran dari sebarang kekurangan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

*"Sesungguhnya kamilah yang menurunkan al-Quran dan kamilah yang memelihara dan menjaganya"*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Antara ajaran Syiah yang menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar juga ialah mereka mengamalkan prinsip at-Taqiyyah iaitu prinsip berpura-pura dengan menyembunyikan akidah mereka yang sebenar apabila berada bersama pengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah. Mereka juga meletakkan Sayyidina Ali RA sama taraf dengan Allah SWT. Mereka mendakwa jawatan Khalifah dan Imamah adalah sebahagian dari rukun Islam dan pelantikannya adalah diwasiatkan secara nas. Syiah juga mempercayai bahawa Ilmu Allah



boleh berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia.

Dari sudut Syariah dan amalan pula, Syiah menghalalkan perkahwinan mut'ah, iaitu perkahwinan kontrak bagi tempoh tertentu sahaja. Perkahwinan ini pada hakikatnya adalah perzinaan yang diharamkan dengan jelas dalam al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Mereka juga menokok tambah dua kalamah Syahadah yang telah ditentukan lafaznya, dengan memasukkan Sayyidina Ali dalam lafaz syahadah mereka. Mereka bersyahadah seperti berikut:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ  
أَشْهَدُ أَنَّ عَلِيًّا أَمِيرُ الْمُؤْمِنِينَ حَقًّا

Antara penyelewengan Syiah dalam amalan juga, mereka mengharuskan dan mengamalkan solat jamak dalam semua keadaan sekalipun semasa senang dan tidak musafir. Lebih dahsyat lagi setiap kali tibanya tanggal 10 muharram mereka mengadakan upacara menyiksa diri dengan memukul dada dan melukakan belakang mereka, sehingga mengalirkan darah, bagi meratapi peristiwa kematian sayyidina Hussain cucunda Rasulullah SAW. Semua ini adalah amalan yang bertentangan dengan perintah Allah SWT yang terdapat dalam al-Quran dan Sunnah Nabi SAW serta pemikiran yang waras. Untuk menjamin pegangan akidah dan amalan mereka itu dapat diterima umum, maka Syiah menetapkan bahawa hanya hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Imam-imam Syiah sahaja yang sah untuk dijadikan sumber hukum, manakala hadith-hadith yang



diriwayatkan melalului para sahabat Nabi SAW yang lain, adalah tertolak kerana para perawinya telah kufur setelah kewafatan Nabi SAW.

### **Sidang hadirin sekalian,**

Oleh kerana penyelewengan-penyelewengan yang jelas dan ketara yang terdapat dalam ajaran Syiah ini maka khatib sekali lagi memperingatkan diri khatib dan para jamaah sekalian akan keputusan Jawatankuasa Fatwa Selangor yang telah memutuskan bahawa ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Dan ingatlah, satu wasiat yang telah diwasiatkan oleh Rasulullah SAW kepada kita semua, seperti mana yang diriwayatkan daripada al-'Irbad B. Sariah, wasiat baginda yang bermaksud:

*"Hendaklah kamu semua tetap teguh di atas sunnahku dan sunnah Khulafa ar-Rasyidin yang telah mendapat petunjuk Allah, gigitlah ia dengan gigi geraham. Jauhilah daripada perkara-perkara yang diada-adakan, kerana setiap bid'ah itu adalah sesat".*

*(Riwayat Ibnu Majah, Abu Daud dan at-Tirmizi).*

Untuk itu marilah sama-sama kita berwaspada daripada ajaran yang sesat dan menyesatkan ini dengan mengambil tindakan berikut:

1. Menjauhkan diri daripada sebarang aktiviti dan ajaran Syiah seperti yang dinyatakan dalam khutbah ini seperti yang difatwakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kerana ia bertentangan dengan akidah Islam yang sebenar.

2. Umat Islam yang telah terpengaruh dengan ajaran Syiah hendaklah segera bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.





3. Sentiasa berusaha mempelajari dan memahami akidah dan syariat Islam yang benar melalui ulama yang muktabar dan dari sumber-sumber Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sah.
4. Pastikan kita dan anak-anak kita mendapat pendidikan Islam dengan sempurna dari guru-guru yang mempunyai ilmu yang mantap berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
5. Sekiranya ada fahaman dan amalan yang mengelirukan maka hendaklah segera merujuk kepada pihak-pihak yang berwibawa dan berautoriti seperti Mufti, jabatan agama Islam dan guru-guru yang diiktiraf.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ  
وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصَلِّهِ  
جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا

*"Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali".*

*(an-Nisa': 115).*



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.